



**SOALAN LAZIM (FAQ)
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (JKSTR)
SELARAS DENGAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
MULAI 18 MAC 2020 SEHINGGA 28 APRIL 2020**

Soalan 1:

Bekas suami enggan memberi nafkah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apakah tindakan yang perlu dilakukan?

Jawapan:

Aduan boleh dikemukakan melalui pautan <http://jkstr.jksm.gov.my/epatuh/> atau rozlya@esyariah.gov.my dengan memberikan maklumat aduan yang lengkap berserta no. telefon/emel yang dapat dihubungi bagi tujuan rujukan lanjut pihak kami.

Soalan 2:

Bagaimanakah untuk memohon bantuan Nafkah anak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini berlangsung?

Jawapan:

Dana Pendahuluan/Bantuan Pendahuluan nafkah boleh dipohon sepanjang tahun walaupun dalam tempoh PKP. Medium emel bagi tujuan penghantaran borang boleh di gunakan oleh pelanggan. Permohonan akan diproses oleh BSK dalam tempoh yang munasabah dengan mengambil kira tempoh kelulusan oleh Jawatankuasa dan pemprosesan bayaran.

Soalan 3:

Apakah yang perlu dilakukan jika bekas Suami enggan untuk membuat bayaran nafkah jika sekiranya telah mendapat perintah Mahkamah?

Siapakah yang boleh dihubungi jika sekiranya saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini?

Jawapan

Sekiranya bekas suami enggan membayar nafkah sepertimana yang telah diperintahkan, aduan pelanggaran perintah boleh dikemukakan kepada BSK melalui laman FB page Bahagian Sokongan Keluarga – BSK Seksyen Negeri. Aduan akan disemak dan diproses oleh BSK. Suatu surat peringatan akan dikeluarkan kepada suami/bekas suami sebelum tindakan selanjutnya seperti proses rundingcara, pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah diambil oleh BSK. Tindakan selanjutnya ini (proses rundingcara dan tindakan Mahkamah) akan dilaksanakan selepas selesai PKP)